

# Polis siasat kehilangan 2,000 buku di PCC

UM 25 OCT 2003

KUALA LUMPUR 24 Okt. — Polis sedang menjalankan siasatan terperinci termasuk mengesan individu yang terbabit berhubung kehilangan kira-kira 2,000 buah buku pakar motivasi Billi P.S. Lim yang disusun membentuk replika Menara Berkembar Petronas semasa di ruang legar Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Putrajaya, Deputy Supritendan Khalil Kader Mohamad berkata, siasatan terhadap kes berkenaan kini ditumpukan kepada sama ada ia melibatkan rakyat tempatan atau pun warga asing.

Menurut beliau, pihak polis telah menonton semula rakaman kamera litar tertutup yang dipasang di pameran dekat PCC.

“Bagaimanapun, setakat ini belum ada apa-apa perkembangan dan kita sedang menyiasatnya,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas dakwaan Billi sebelum ini bahawa buku yang dipamerkan di PCC sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) itu pada 11 hingga 18 Oktober lepas, telah hilang.

Menurut Khalil, pihaknya telah menerima laporan yang dibuat Billi pada 20 Oktober lalu dan memberi jaminan akan menyiasat perkara tersebut.

Sementara itu, Billi berkata, sehingga kini belum ada perkembangan baru tentang buku-buku berkenaan.

“Bagaimanapun, ada seorang dua yang telah menghubungi kami dan menyuarakan hasrat untuk mengembalikan buku,” katanya.

Menurut Billi, beliau amat kecewa dengan kehilangan buku yang bernilai lebih RM70,000 dan berharap orang ramai dapat mengembalikan segera.

“Buku ini mempunyai nilai sentimental dan ia diperlukan untuk pameran terakhir di Stesen Sentral Kuala Lumpur sebelum Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bersara pada 31 Oktober ini,” ujarnya.

Orang ramai yang berhajat memulangkan buku berkenaan, bolehlah menghantar kepada Billi di alamat Hardknocks Factory Sdn. Bhd., USJ 13/3, Subang Jaya, 47630 Petaling Jaya atau menghubungi menerusi talian 03-5638 0916.